

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Khamis, 20 April 2017 10:00 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Zahril Anwar Bin Malek Abdol Hamid
Subject: INASIS SME BANK ONLINE: BAKTI SISWA PERDANA



20 APRIL 2017, KHAMIS | 23 REJAB 1438H



Oleh: Nurul Yasirah Nasir

INASIS SME BANK ONLINE: Bakti Siswa bukan sahaja sekadar program yang mampu mendekatkan mahasiswa dengan masyarakat setempat tetapi lebih bermakna peserta berpeluang menimba pelbagai pengalaman berharga.

Apatah lagi apabila pengisian program berkenaan berteraskan kepada usaha memupuk kebersamaan antara mahasiswa dengan masyarakat luar melalui aktiviti kemasyarakatan yang dirancang sekaligus mewujudkan masyarakat yang harmoni, berfikiran luas dan terbuka.

Menyedari hakikat itu, seramai 40 mahasiswa Inapan Siswa SME Bank (INASIS SME Bank), Universiti Utara Malaysia (UUM) menyertai program Bakti Siswa Perdana anjuran Biro Komuniti dan Integrasi (KIA) Inapan Siswa SME Bank di Kampung Pengkalan Batu Lintang, Sg. Petani yang diketuai oleh Muhammad Izzat Siraj selaku Pengarah Program Bakti Siswa baru-baru ini.

Kampung ini dipilih kerana UUM merupakan universiti pertama melaksanakan projek bakti siswa dan motivasi bersama pelajar di SK Simpor. Kampung ini mempunyai pemandangan indah, kandang kuda, taman kelulut dan terbentang sawah padi.

Penduduk kampung ini juga berbangga dengan hasil laut dan sungai yang menjadi punca pendapatan selain mempunyai kolam udang.

Antara aktiviti yang dilakukan ialah memupuk semangat belajar matapelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik dalam kalangan pelajar SK Simpor, sukan rakyat, malam kebudayaan dan jelajah kampung.

Timbalan Pengarah Program, Sabidatul Afezzah Binti Abidin berharap program berkenaan dapat memberikan manfaat kepada semua pihak dengan melakukan aktiviti bersama keluarga angkat.

“Banyak yang kami selaku mahasiswa pelajari hasil program ini. Diharapkan ia dapat diteruskan pada masa akan datang kerana selain dapat melihat pemandangan yang membuat pengunjung jatuh cinta dengan kawasan kampung sekaligus memperkenalkan UUM dalam kalangan masyarakat di luar bandar,” katanya.

Selain itu, aktiviti kerohanian juga diadakan dengan melawati orang kampung yang kurang sihat dan bacaan Yasin.

Habibah Abdul Ghani berkata dia dapat merasai pengalaman pertama kali makan siput sedut yang disediakan oleh orang kampung.

Majlis penutup program Jasa Dari Titans dirasmikan oleh YB Senator Dato’ Shahanim Binti Mohammad Yusoff dengan kehadiran penduduk setempat dan mahasiswa UUM.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

